

E-RENCANA

Peranan Perhubungan Awam Dalam Sukan Ketika Covid-19

Nurul Asykien Binti Arisdani & Mohamad Nizam Bin Nazarudin

Fakulti Psikologi & Pendidikan

Universiti Malaysia Sabah

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah pun dilanjutkan yang menyebabkan sebahagian besar aktiviti sukan dan sosial tidak dibenarkan oleh kerajaan bagi memutuskan rantaian covid-19 yang semakin berleluasa di Malaysia. Sehingga kini, kebenaran untuk bersukan di luar ini masih menjadi pendebatan di mana-mana platform. Ramai yang tidak berpuas hati dengan PKPB yang dilanjutkan terutamanya untuk para atlet yang ingin melakukan latihan di luar. Terdapat beberapa lagi negeri yang dilanjutkan PKPB termasuklah Sabah. Selain itu, berkaitan dengan perhubungan awam. Perhubungan awam ini dianggap sebagai penghubung antara organisasi dan khalayak ramai. Oleh itu, sebagai perhubungan awam hendaklah menyampaikan berita dan maklumat kepada kedua-duanya untuk mencapai persefahaman dan keharmonian. Jabatan perhubungan awam juga hendaklah memainkan peranan aktif dalam menyebarkan kesedaran dan berita yang tepat mengenai langkah berjaga-jaga daripada terkena jangkitan Coronavirus ini.

Sepanjang berlakunya pandemik covid-19 ini, sukan yang diadakan hendaklah dijalankan tanpa perlu adanya penonton. Hal ini diadakan adalah untuk mengelakkan daripada penularan covid-19 ini berlaku. Hubungan antara pemain dan peminat adalah dilarang sama sekali pada waktu pandemik ini. Namun begitu terdapat beberapa peraturan yang harus dilakukan kepada pemain pasukan sebelum masuk kemana-mana ruang awam seperti stadium, bilik persalinan pakaian dan pengangkutan. Pemain mestilah mematuhi Standard Operational Procedure (SOP) dengan memeriksa suhu mereka dan hendaklah membasuh tangan dengan kerap ini demi menjaga kesihatan para pemain yang terlibat.

Bagi Jabatan Perhubungan awam pula, mereka hendaklah mengembangkan lagi rancangan perhubungan mereka seperti, mana-mana wartawan yang memasuki stadium ataupun gelanggang perlawanan hendaklah menjalani pemeriksaan suhu terlebih dahulu dan hendaklah sentiasa menggunakan topeng muka sepanjang keberadaan mereka di dalam stadium atau di gelanggang perlawanan. Perhubungan awam juga hendaklah mematuhi SOP yang telah ditetapkan iaitu, menjaga penjarakan sosial sekurang-kurangnya dua meter terutamanya apabila melakukan temu ramah bersama pemain. Apabila setiap individu mengikuti SOP yang ditetapkan, sudah pasti dapat memutuskan rantaian covid-19 yang semakin menular di hampir seluruh dunia. Mencegah lebih baik daripada merawat!

Jabatan perhubungan awam hendaklah sentiasa aktif untuk membuat input mengenai sukan-sukan yang diadakan terutamanya apabila sukan yang diadakan itu tidak melibatkan penonton. Pihak perhubungan awam juga hendaklah lebih fokus untuk mencari liputan yang berkaitan dan menyebarkan melalui saluran media massa. Media sosial juga sangat penting buat peminat-peminat sukan untuk berinteraksi atau berkomunikasi dengan pemain idola mereka. Sebagai peminat juga, mereka sangat memahami situasi semasa dengan lebih baik dan lebih menyokong usaha pasukan untuk menentang penularan covid-19 ini. Perhubungan awam juga hendaklah aktif dalam menghasilkan dan menyebarkan video mengenai sukan yang berlangsung agar peminat dapat menonton daripada rumah ataupun dimana sahaja mereka berada tanpa menghadiri perlawanan secara langsung.

Peranan perhubungan awam juga perlu memperbanyak lagi siaran iklan dan pemberitahuan tentang perlawanan yang bakal di adakan untuk menarik perhatian peminat sukan. Walaupun dalam keadaan pandemik ini, ianya tidak mempunyai halangan untuk mengadakan acara sukan apabila pihak pengurusan sukan mematuhi SOP yang telah di tetapkan dan begitu juga bagi pihak perhubungan awam. Apabila pihak perhubungan awam memainkan peranan aktif dalam memenuhi kehendak peminat, sudah pasti peminat tidak akan merasa kecewa walaupun tidak dapat menghadiri perlawanan secara langsung di stadium ataupun gelanggang.

Kesimpulannya, jabatan perhubungan awam amatlah memainkan peranan yang besar dalam mengekalkan hubungan antara peminat dan pemain. Perhubungan awam juga dapat mengekalkan prestasi bidang sukan diperingkat tertinggi. Majulah sukan untuk negara!

Rujukan

Coombs, W. (n.d.). Crisis and Crisis Management. *Encyclopedia of Public Relations*. doi:10.4135/9781452276236.n115

Son, S., Williams, A. S., & Heo, Y. (2020, August 26). Role of Sport Public Relations for the COVID-19 Outbreak: Interview With Kwon Heo, Public Relations Manager at Kia Tigers. Retrieved November 27, 2020, from <https://journals.humankinetics.com/view/journals/ijsc/13/3/article-p307.xml>